

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

**AGENSI NUKLEAR MALAYSIA TANDATANGAN KERJASAMA PINTAR
DENGAN ASIA PACIFIC UNIVERSITY OF TECHNOLOGY &
INNOVATION (APU)**

BANGI, 29 DISEMBER 2021 — Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia), agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU) di Kompleks Agensi Nuklear Malaysia, Bangi, di sini hari ini.

MoU ini merupakan kerjasama strategik awam-swasta antara kedua-dua institusi dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D), perkongsian kepakaran, pembangunan bersama program latihan, pemindahan teknologi dan pengkomersialan, penerbitan akademik dan pendidikan dan latihan industri buat kakitangan yang terlibat dengan bidang teknologi maklumat (IT) dan kejuruteraan sesuai dengan keperluan semasa dan pembangunan negara.

Usaha ini juga merangkumi penempatan mahasiswa untuk latihan industri dan kerjasama penyeliaan bersama untuk program Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD).

Memorandum ini telah ditandatangani oleh **Ketua Pengarah Nuklear Malaysia, Ts. Dr. Siti A'iasah Hashim** dan **Naib Canselor APU, Dr. Hari Narayanan P. Ondiveeran** sambil disaksikan oleh **Ketua Pegawai Eksekutif APU, Datuk Parmjit Singh**.

Kerjasama pintar ini diilhamkan semasa lawatan pada 29 November 2021 dan 2 Disember 2021, di mana selepas berbincang, kedua-dua pihak bersetuju untuk bekerjasama dalam bidang yang melibatkan sistem pengurusan data bagi bahan api nuklear, penggunaan robotik dan dron untuk menangani bahan beradioaktif, penggunaan Realiti Maya (VR) dan Realiti Berperantara (AR) dalam operasi nuklear dan/atau pendidikan, data rangka kerja keselamatan, pemodelan matematik dalam analisis data dan sebagainya.

Perbincangan tersebut turut menyentuh tentang latihan lanjutan pasca akademik, peningkatan kemahiran, membina kemahiran baharu yang berkaitan dengan IT, pengurusan, dan kemahiran kepimpinan untuk kakitangan Nuklear Malaysia, serta pengajian ke peringkat Pasca Siswazah (Sarjana dan PhD) di APU.

APU telah melabur ke arah kepakaran teknologi digital termaju untuk menyokong penyelidikan dalam realiti maya, robotik, Internet Pelbagai Benda (IPB), permainan video dan aplikasi serta kecerdasan buatan.

Nuklear Malaysia pula mempunyai reaktor nuklear, rumah hijau gamma dan kemudahan lain yang hanya ada di Malaysia. Dengan kerjasama ini, kedua-dua pihak boleh memanfaatkan kemudahan penyelidikan dan kepakaran terkini untuk pembangunan R&D dan mempercepatkan proses output pengkomersilan.

Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia, Ts. Dr Siti A'iasah Hashim berkata, Nuklear Malaysia sentiasa mendorong sempadan baharu dalam inovasi dan teknologi.

“Nuklear Malaysia telah bertapak sebagai penggalak utama sains dan teknologi nuklear negara untuk penggunaan damai. Melalui kerjasama ini, kami mengalu-alukan pelajar APU untuk meneroka ruang pembelajaran baharu di mana mereka boleh mempelajari manfaat kuasa nuklear yang biasanya dibelenggu dengan naratif yang tidak diingini. Pada masa yang sama, saya pasti Nuklear Malaysia boleh memanfaatkan kepakaran APU dalam teknologi digital termaju dan analisis data untuk menambah bilangan R&D kami,” ulas Ts. Dr. Siti A'iasah.

“Kami amat berbesar hati untuk bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi terkemuka seperti APU untuk menerajui program bersama dalam IT dan kejuruteraan,” katanya sambil menambah bahawa “Langkah ini akan menjadi aspirasi dan motivasi kepada Nuklear Malaysia untuk terus berinovasi di seluruh rantau ini.”

Pada masa yang sama, Datuk Parmjit Singh berterima kasih kepada Agensi Nuklear Malaysia atas pandangan jauh mereka dalam menjalin kerjasama awam-swasta yang kukuh dari segi pembangunan R&D dan teknologi termaju.

“Kami optimis kerjasama ini akan mengorak langkah ke hadapan dalam inovasi dan seterusnya memberi manfaat kepada kedua-dua organisasi dalam membangunkan penyelesaian teknologi yang berdaya saing.

“Usaha ini juga akan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta menghasilkan graduan yang berkebolehpasaran tinggi, pintar, bertenaga, cemerlang, tangkas, dan berdaya saing di peringkat nasional dan global sambil memberi kelainan dalam kerjaya pilihan mereka.

“Kini kami boleh menggunakan pengetahuan, kepakaran dan kemahiran dalam IT dan penyelidikan kejuruteraan ke dalam bidang R&D berkaitan nuklear melalui kerjasama dengan Agensi Nuklear Malaysia. Akses kepada kemudahan di Agensi Nuklear Malaysia akan menjadi nilai tambah kepada R&D kami,” katanya.

-TAMAT-

Kapsyen Gambar:

APU 01: Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia, Ts. Dr. Siti A'iasah Hashim (dua dari kiri) menyerahkan dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) kepada Naib Canselor APU, Dr. Hari Narayanan sambil disaksikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif APU, Datuk Parmjit Singh (tengah), Timbalan Ketua Pengarah Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi, Dr. Abdul Rahim Harun (kiri) dan Pengarah Penyelidikan & Perusahaan APU, Prof. Dr. Angelina Yee (kanan) di Kompleks Agensi Nuklear Malaysia, Bangi, hari ini.

APU 02: Ts. Dr. Siti A'iasah Hashim sedang memberikan penerangan kepada delegasi APU, (dua dari kiri) Datuk Parmjit Singh, Dr. Hari Narayanan, dan Encik Muhammad Anis Ur Rehman di Galeri Kecemerlangan Nuklear Malaysia.

APU 03: Gambar kenangan semasa lawatan Agensi Nuklear Malaysia ke kampus APU, Bukit Jalil pada 2 Disember 2021. Dari kiri, Prof. Dr. Angelina Yee, Dr. Kamarudin Samuding, Ts. Dr. Siti A'iasah Hashim, Datuk Parmjit Singh dan Dr. Rasif Mohd Zain.

Mengenai Nuklear Malaysia:

Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia), adalah organisasi penyelidikan dan pembangunan (R&D) utama dalam bidang sains dan teknologi nuklear di Malaysia yang terus memainkan peranan aktif dan menyumbang kepada pelaksanaan dan pencapaian dasar-dasar sains dan teknologi kebangsaan. Untuk maklumat lanjut, layari www.nuclearmalaysia.gov.my.

Mengenai Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU):

Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU) merupakan antara sebuah Universiti Swasta Perdana di Malaysia. Dengan status *Premier Digital Tech University* yang dianugerahkan oleh Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan penarafan universiti 'QS 5 Stars Plus', APU menawarkan pelbagai program ijazah berasaskan teknologi bertujuan untuk memupuk pelajar menjadi golongan profesional dan mempersiapkan mereka untuk kerjaya mencabar dalam pelbagai bidang dari perniagaan hingga ke peringkat masyarakat global. Komuniti pelajarnya berbilang budaya dan terdiri daripada 12,000 pelajar dari lebih 130 buah negara. Untuk maklumat lanjut, layari www.apu.edu.my.

###

Sekiranya anda inginkan sebarang maklumat tambahan atau mempunyai pertanyaan media, sila hubungi:

Puan Norliza Abdul Mihat
Unit Komunikasi Korporat
Agensi Nuklear Malaysia
E: norliza_a@nuclearmalaysia.gov.my | M: (+6) 012-2351824

Ahmed Syahril Zulkeply / Anna Yan Lai Yee
Komunikasi Korporat
Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU)
E: syahril.zulkeply@apu.edu.my | M: (+6) 017-9541474
E: anna.yan@apu.edu.my | M: (+6) 012-2893673